

73

Soalan No:34

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD
[LIPIS]

TARIKH : 7.11.2017

SOALAN :

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah program sekolah model khas ini dipantau oleh Kementerian termasuk keperluan murid dan guru yang melaksanakan program ini di sekolah tersebut kerana program ini merupakan idea asal daripada YAB Perdana Menteri Malaysia sekarang dan ianya menunjukkan kesan yang sangat positif dari segi kemenjadian muridnya serta menonjolkan komitmen tinggi agensi luar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sekolah Model Khas ialah sekolah yang menggabungkan murid sekolah rendah dan menengah dalam satu sekolah. Murid sekolah rendah yang terlibat ialah murid tahun 4, 5 dan 6 yang dipilih khas dari seluruh daerah untuk memasuki sekolah tersebut. Sekolah model khas mengutamakan murid-murid luar bandar yang berpotensi dalam semua bidang untuk membangunkan sepenuhnya kemahiran individu daripada segi sahsiah, minat, kreativiti dan kepimpinan.

Projek ini diwujudkan untuk membolehkan murid-murid Tahap II sekolah rendah membiasakan diri bergaul lebih awal dengan murid-murid

sekolah menengah agar mereka belajar berdikari. Ia juga bertujuan mengelakkan keciciran murid dan mengelakkan murid-murid Tahap II mengalami kejutan budaya apabila bertukar dari alam sekolah rendah ke sekolah menengah dengan mereka dengan ‘budaya pelajar yang matang’. SMK Clifford merupakan satu contoh Sekolah Model Khas yang menunjukkan pencapaian yang cemerlang dari segi pencapaian akademik dan kokurikulum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM mengupayakan JPN dan PPD untuk memantau program ini. Selain daripada melihat kepada kemudahan atau prasarana sekolah, pemantauan juga melihat aspek keperluan murid dan guru yang melaksanakan program ini di sekolah tersebut.

RJM39